



### Kecutkan jerawat

Tiap kali timbulnya sebutir jerawat, kita sibuk mencari krim yang boleh mengikutkannya. Ada yang berharga mahal, ada juga yang murah. Tetapi ketulan ais tidak memerlukan anda mengeluarkan satu sen pun. Hanya ambil seketul ais, dan tekupkan pada jerawat. Tak perlu risau tomponkan bekas jerawat lagi.

### Rangsang peredaran darah

Untuk meningkatkan peredaran darah dan menganjalkan kulit, cuba rendamkan wajah dalam bekas yang berisi ais setiap pagi. Di samping mengejutkan anda dari tidur, kaedah ini juga membolehkan solekan anda tahan lebih lama.

### Kurangkan sembah bawah mata

Kaedah paling cepat dan berkesan untuk menghilangkan sembah bawah mata. Caranya, tekupkan seketul ais pada mata dengan lembut selama 10 minit. Kemudian, keringkan dengan tuala bersih.

### Mengecilkan pori

Ambil seketul ais selepas mandi, dan sapukan pada keseluruhan wajah. Ia boleh mengecilkan pori-pori dan memberikan anda keserian wajah serta merta!

### Membersihkan wajah

Apa kata anda kisar timun bersama jus lemon dan madu. Sejukkan bahan tadi dan bekukan di dalam peti ais. Gunakan ketulan ais itu dengan cara menyapukannya pada wajah dan leher. Pasti wajah terasa segar, lembut dan bersih.

### Mengurangkan kedutan

Kita tidak boleh memutar waktu ke zaman remaja dan mengawal kedutan yang semakin jelas pada wajah. Dengan menyapu ketulan ais, ia boleh membantu mengawal tanda kedutan dan menghalang timbulnya garis kedut yang baru.

# KIUB AIS UNTUK CANTIK

*Adakalanya, produk kecantikan terbaik tidak hanya bergantung kepada jenama popular; harga yang mahal atau duta yang sememangnya sudah pun memiliki kecantikan yang asli. Ketulan ais yang hanya penghilang dahaga saat cuaca panas terik juga mampu bersaing dengan produk kecantikan lain.*

PENULIS: ANIS NOR

### Melegakan selar matahari

Ais umpsama magis yang boleh menyembuhkan selar matahari pada wajah. Selepas menekap ketulan ais pada kawasan yang berkaitan, anda boleh melihat kesan selar kemerahan semakin berkurangan.

### Wajah bebas minyak

Apabila wajah mula berminyak, jerawat senang menyinggah. Sebelum berlaku, lebih baik kita mencegahnya dengan menyapu ketulan ais pada wajah. ■

### RESEPI KIUB AIS TEH HIJAU

#### BAHAN-BAHAN:

- ◆ 2-3 beg teh hijau
- ◆ Bekas kiub ais
- ◆ Air

#### CARANYA:

1. Letakkan teh hijau di dalam air panas.
2. Pastikan anda hanya merendam teh hijau dengan pekat.
3. Tuang ke dalam bekas kiub ais dan bekukan.
4. Setelah beku, oles pada bawah mata untuk mengurangkan lingkaran gelap.
5. Biarkan kering.

### KEGUNAAN

Teh hijau mengandungi antioksidan dan ais pula mengurangkan kehadiran lingkaran gelap bawah mata.